

Newspaper	Berita Harian
Date	18 May 2015

'Dakwaan Mahathir cubaan menyerang'

Putrajaya: Dakwaan Tun Dr Mahathir Mohamad bahawa Tan Sri Pandikar Amin Mulia meletak jawatan sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat dilihat sebagai satu cubaan 'menyerang' Parlimen dan mengheret institusi berkenaan dalam agendanya untuk memberi tekanan kepada kerajaan.

Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) bukan saja menyifatkan tindakan bekas Perdana Menteri itu tidak wajar kerana beliau

tiada hak untuk menyatakan perkara itu, malah boleh menimbulkan rasa curiga rakyat terhadap Parlimen yang bertanggungjawab dalam pengubalan undang-undang di negara ini.

Dakwaan tidak benar

Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Seri Ronald Kiandee, berkata penafian Pandikar mengenai dakwaan itu membuktikan ia tidak benar dan tidak perlu ditimbulkan

sama sekali.

"Hanya Tun Mahathir saja yang tahu apa matlamatnya (membuat dakwaan) tapi bagi kita di Parlimen, suasana seperti biasa. Walaupun pada sesi lalu, ada beberapa hari Tan Sri (Pandikar) tidak mempengerusikan Dewan tapi itu adalah normal kerana beliau mengambil cuti," katanya, semalam.

Kelmarin Dr Mahathir mendakwa, Pandikar ada menemuinya dan menyatakan hasrat untuk meletakkan jawatan sebagai Yang Dipertua Dewan Rakyat. Namun malam kelmarin, Pandikar menafikannya dan menegaskan beliau tidak akan meletak jawatan serta akan mempengerusikan Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Parlimen Ke-13 mulai hari ini.

BH-18/5/2015

Sementara itu, Ahli Parlimen Johor Bahru yang juga Pengerusi Kelab Penyokong Barisan Nasional (BN), Tan Sri Shahrir Abdul Samad, berkata beliau kecewa dengan dakwaan yang dibuat Dr Mahathir kerana katanya, sebagai seorang negarawan, bekas Perdana Menteri itu seharusnya berusaha memperkukuhkan institusi seperti Parlimen.

Bahayakan negara

"Adakah beliau mahu mengapi-apikan dan menimbulkan curiga kepada Parlimen? Kalau Parlimen diasak begini, ia akan membahayakan negara.

"Kalau beliau mahu menambah tekanan kepada kepimpinan Perdana Menteri (Datuk Seri Najib Razak) dengan ber-

buat begini, ia tidak wajar kerana kedudukan Yang Dipertua ditentukan melalui undi Ahli Parlimen. Ini hanya memberi tamparan dan memperlekeh Parlimen," katanya.

Ahli Parlimen Kubang Pasu, Datuk Mohd Johari Baharum, berkata dakwaan itu hanya satu lagi isu yang mengganggu usaha membangunkan negara dan menjaga kebajikan rakyat.

"Sekarang kita beri peluang kepada Perdana Menteri untuk membangunkan negara dan saya harap Tun Mahathir dapat memberi sokongan.

"Zaman ini lain dengan zamannya dan beliau harus melihat dengan menyeluruh sebelum membuat teguran yang boleh menjejaskan pentadbiran kerajaan," katanya.